



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 25 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	GAGAL SELUDUP 50KG DAGING BABI, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -37 KLIA CARGO DETAINS WHITE SHRIMPS IMPORTED FROM US, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	HPPNK 2019, NASIONAL, BH -9	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4. 5.	LKIM CARI KAEDAH TERBAIK BERI BANTUAN KEWANGAN NELAYAN UZUR, NASIONAL, BH -14 LKIM KAJI BANTUAN BULANAN KEPADA NELAYAN UZUR, SINAR NEGERI, SH -37	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	KULIM SASAR PERLUAS PERNIAGAAN NANAS, BISNES, BH -21	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7.	DR ROZMEY MAHU BANGKIT SEMULA, BISNES, BH -24	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	37

Gagal seludup 50kg daging babi

RANTAU PANJANG - Tindakan seorang lelaki cuba menyeludup 50 kilogram (kg) daging babi ke negeri itu berjaya dipatahkan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, rampasan itu dilakukan pihaknya

selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan Toyota Unser ketika melalui sekatan di ICQS Rantau Panjang.

"Hasil pemeriksaan rapi ke atas kenderaan itu membawa kepada penemuan 50kg daging babi dari negara jiran.

"Maqis turut menahan pemandu kenderaan tersebut untuk siasatan lanjut dan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RMI,000," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



Daging babi yang dirampas di ICQS Rantau Panjang kelmarin.

Headline	KLIA Cargo detains white shrimps imported from US		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	25 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A14	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,666
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,998



隆机场货运中心扣美进口白虾

布城24日讯：大马检疫及检验服务局 (MAQIS) 昨日在吉隆坡国际机场货运中心进出口处，扣留从美国佛罗里达州进口的白虾。

雪州检疫与检验服务局总监达米沙阿里敏发表声明表示，该进口商出示的文件，显示未向大马渔业部申请进口白虾的

许可证，因此遭到当局逮捕。

「根据商品检查结果，共有3箱装有206只南美洲白虾，估计价值达2万5731令吉60仙。所有的白虾已经死亡。」

他说，根据《2011年检疫和检验服务法令》第15(1)条文，任何进口的农产品

如果没有遵守大马检疫与检验服务局的进口许可证条例，都是违法的。

他透露，在此条文下，一旦罪名成立，可被判罚款最高10万令吉或不超过6年监禁，或两者兼施。

达米沙表示，大马检疫与检验服务局治理在我国各个入境处进行执法，确保进入我国的农产品的安全，以及有遵守我国规定的条规。

C
M
K

HPPNK 2019
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN
28 NOVEMBER - 1 DISEMBER 2019 | 10.00 PAGI - 10.00 MALAM

anggsana
 Johor Bahru Mall

PERSEMBAHAN ARTIS

FORUM PEROMBA ERWAL ISLAM

DEMONSTRASI MASAKAN

TEATER MERUNGGU KATA DARI TUHAN

CABUTAN

DEMONSTRASI MASAKAN

DEMONSTRASI MASAKAN

ANUGERAH PERTANDINGAN HPPNK

DEMONSTRASI MASAKAN

KONVERSIEN PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN

DEMONSTRASI MASAKAN

PERTANDINGAN BUAH & SAYUR

FORUM KEBERKHAJAN HAWWAN

MALAM RAMA TANI

DEMONSTRASI MASAKAN

JOB FAIR

JUALAN TANI SEBAR

PERTUNJUKAN AGRICULTURARI

PERTANDINGAN TERRARIUM & VIVARIUM

PERFORMANCE BETAHADES

BIODCHAT

MALAM BUDAYA & SENI TANI

PERTANDINGAN MASAKAN

PAMERAN AGROTEKNOLOGI, MEKANISASI & AUTOMASI



LKIM cari kaedah terbaik beri bantuan kewangan nelayan uzur

Pasir Puteh: Lembaga Kemaizanan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa mencari kaedah terbaik menyalurkan bantuan kewangan kepada nelayan yang tidak dapat ke laut akibat uzur atau sakit.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata kajian bagi tujuan itu bagaimanapun perlu dibuat secara terperinci kerana membabitkan undang-undang dan kewangan negara.

“Kerja sebagai nelayan tidak seperti pekerjaan lain yang ada caruman. Mereka juga tidak mampu nak melawan ombak dan ribut apabila usia sudah tua. Jadi, kita akan kaji bantuan yang boleh membantu meringankan beban mereka pada masa akan datang.

“Kami juga berbincang dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Kebaji-

kan Sosial (PERKESO) mencari jalan bagaimana golongan nelayan boleh mencarum,” katanya pada majlis ramah mesra bersama 100 nelayan Skim Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, di sini semalam.

Penempatan nelayan Tok Bali yang menelan kos RM35 juta disiapkan pada 2012, kini didiami 280 keluarga nelayan miskin tergar dari daerah Tumpat,



Kita akan kaji

bantuan yang boleh membantu meringankan beban mereka pada masa akan datang.

Muhammad Faiz Fadzil,
Pengerusi LKIM

Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh.

Muhammad Faiz maktumkan, LKIM sentiasa menitikberatkan kebajikan nelayan, termasuk membelanjakan RM200,000 setahun bagi menampung kos pengurusan penempatan semula di Tok Bali.

“Untuk kos elektrik dan air, nelayan hanya dicalaj RM20 sebulan bagi penyelenggaraan kerana urusan pemilikan dan pendaftaran mereka di antara LKIM dan kerajaan negeri masih belum selesai. Kita harap kerajaan negeri akan segera beri kelulusan kepada nelayan yang layak.

“Apabila tidak cukup 300 nelayan di penempatan itu, akan lebih lama tempoh untuk mereka selesaikan bayaran rumah dan tidak akan menepati tempoh ditetapkan, iaitu 35 tahun,” katanya.

LKIM kaji bantuan bulanan kepada nelayan uzur

PASIR PUTEH - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang mengkaji bagi mewujudkan bantuan bulanan untuk nelayan yang uzur dan sakit serta tidak mampu untuk turun ke laut.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, kajian menyeluruh perlu dilakukan terlebih dahulu kerana ia melibatkan perundangan berkaitan aspek kewangan.

"Kita juga sedang mencari kaedah terbaik berhubung perkara ini selain mengadakan pertemuan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Kebajikan Keselamatan Sosial (Perkeso) berkait soal caruman," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Ramah Mesra Penduduk Perumahan Nelayan Tok Bali di sini semalam.

Muhammad Faiz berkata, pihaknya ketika ini sedang meneliti beberapa langkah awal yang boleh diambil bagi membantu golongan berkenaan.

Katanya, kebanyakan nelayan ini tidak mempunyai caruman seperti pekerja-pekerja lain.



Muhammad Faiz (dua dari kiri) beramah mesra dengan nelayan yang hadir ke Majlis Ramah Mesra Penduduk Perumahan Nelayan Tok Bali semalam.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz memberi jaminan bekalan ikan sepanjang musim tengkujuh dijamin mencukupi bagi menampung permintaan orang ramai.

Katanya, orang ramai tidak perlu khawtir kerana LKIM mempunyai peti sejuk yang mencukupi untuk menyimpan be-

kalan tersebut.

"Kita harap agar 'orang tengah' dan peniaga-peniaga besar tidak menaikkan harga ikan sepanjang musim tengkujuh.

"Mereka juga perlu memikirkan soal tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan menjual ikan pada harga yang berpatutan," katanya.



Bisnes

bbh@bh.com.my

**Dr Rozmey
bangkit
semula
dengan DDR
Bio Grow**

Muka 24



WADAH PEMBANGUNAN

Kulim sasar perluas perniagaan nanas

**Kerjasama
dengan syarikat
swasta, agensi
kerajaan bakal
tingkatkan hasil
produk MD2**

Oleh Mahanum Abdul Azlz
mahanum_azlz@bh.com.my

Kulim (Malaysia) Bhd, cabang perladangan Johor Corporation (JCorp) bercadang memantapkan lagi kehadiran mereka dalam industri nanas yang dilihat berpotensi dikembangkan pada masa depan sejajar dengan seruan kerajaan menjadikan industri itu sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Pengarah Eksekutif Kulim, Zulkifly Zakariah, berkata pihaknya kini dalam perancangan untuk memaksimumkan pengeluaran nanas menerusi kerjasama bersama syarikat swasta yang berpotensi serta menjalinkan hubungan baik dengan agensi kerajaan seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di Malaysia.

Beliau berkata, umum mengetahui Kulim terlibat dalam

projek penanaman nanas premium MD2, dengan menggunakan jenama Melita menerusi Kulim Pineapple Farm (KPF).

Katanya, prestasi syarikat itu dalam industri nanas MD2 amat memuaskan dan dijangka berkembang dengan lebih meluas lagi pada masa akan datang sama ada menerusi kerjasama sektor kerajaan dan swasta.

"Jumlah keluasan ladang Kulim kini adalah seluas 418 hektar dan terletak di Ulu Ti-ran, Mersing dan Kluang, Johor.

"Kulim bercadang menanam keluasan ladang secara berperingkat dalam tempoh empat tahun akan datang sehingga 983 hektar bermula 2020," katanya dalam satu temu bual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Jualan nanas Kulim pada 2017 adalah sebanyak RM5.76 juta dan meningkat kepada RM12.18 juta pada Oktober 2019, sementara jumlah eksport nanas MD2 Kulim pula meningkat daripada RM1.37 juta pada 2017 kepada RM1.84 juta pada Oktober 2019.

Kulim juga mengunjurkan jualan dan jumlah eksport yang memberangsangkan pada 2020 dengan anggaran jualan RM22.90 juta dan eksport RM9.59 juta.

Antara pasaran eksport na-

nas Kulim ialah China, Iran, Turki, Lubnan, Jordan, India dan Singapura.

Mengulas lanjut mengenai rancangan pengembangan perniagaan nanas, Zulkifly berkata, Kulim menerusi KPF juga sedang dalam perancangan berterusan untuk meneroka peluang mengeluarkan produk hiliran nanas termasuk penerokaan menghasilkan produk farmaseutikal berasaskan nanas yang dilihat berpotensi untuk dikembangkan pada masa depan.

Beliau berkata, pihaknya bercadang menghasilkan pelbagai produk berasaskan nanas seperti buah potong segar, nanas beku, cip nanas, jus nanas dalam tin dan mensasarkan untuk memaksimumkan produk OEM seperti kerepek dan tart nanas di bawah jenama Melita.

Selain itu, Zulkifly berkata, di samping mengembangkan perniagaan nanas, Kulim juga menerusi KPF bertanggungjawab menyelia usahawan tani seramai 12 Belia Muda (B40) bagi Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) di Tanah Abang, Mersing yang berkeluasan 48 hektar dengan kerjasama LPNM dan Agrobank.

Beliau berkata, Kulim sebagai syarikat berpengalaman luas dalam penanaman nanas MD2 secara komersial berskala besar sejak 2008 berperanan dalam membentuk, mengawal

selia dan menjadi mentor untuk peserta usahawan tani B40 menerusi kaedah penanaman, penjagaan dan penguasaan ladang nanas secara komersial dan berkeson menerusi Amalan Pertanian Baik (GAP).

Katanya, hasil tuai yang dijangkakan bagi setiap peserta adalah sebanyak 46 tan sehektar dengan kepadatan tanaman 49,000 pokok sehektar.

"Melalui perkongsian ilmu serta pengalaman yang dibagikan oleh Kulim, diharapkan peserta projek ini mampu untuk berdaya dan terus maju serta menjadi perintis dan tanda aras untuk lebih ramai anak muda menyertai program ini pada masa akan datang," katanya.

Zulkifly berkata, jika dilihat dari sudut keuntungan, penanaman nanas MD2 kini menjadi rebutan pengusaha pertanian sama ada penanaman secara kecil-kecilan dan komersial.

Beliau berkata, penanaman nanas MD2 mengatasi keuntungan kelapa sawit yang mana boleh mencapai sehingga RM125,000 sehektar jualan nanas segar bagi setiap pusingan penuaian.

"Jadi tidak mustahil jika penanaman nanas MD2 mampu melahirkan peladang jutawan dengan bimbingan serta tunjuk ajar daripada agensi yang bertanggungjawab," katanya.



Jadi tidak mustahil jika penanaman nanas MD2 mampu melahirkan peladang jutawan dengan bimbingan serta tunjuk ajar daripada agensi yang bertanggungjawab.

Zulkifly Zakariah,
Pegawai Eksekutif Kulim



Dr Rozmey menunjukkan baja DDR Bio Grow yang dihasilkan menerusi penyelidikan serta kajian saintifik teknologi terkini. (Foto Noorazura Abdul Rahman / BH)

Fakta Nombor

RM65harga DDR Bio Grow
bagi saiz 1 liter**RM199**harga DDR Bio Grow
bagi saiz 4 liter

Dr Rozmey bersama pengguna baja DDR Bio Grow menunjukkan hasil tanaman.

Dr Rozmey mahu bangkit semula

Produk baja organik DDR Bio Grow jadi sandaran kembalikan empayar perniagaan

Nadi Biz

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Dikhianati teman rapat yang dianggap seperti darah daging sendiri meranapkan kepercayaan dan persahabatan yang digenggam lebih 10 tahun. Empayar yang dibina hasil keringat dan doa orang tersayang musnah gara-gara persahabatan itu disulami dengan iri hati.

Begitulah kisah usahawan terkenal, Datuk Dr Che Rozmey Che Din yang pernah tersungkur akibat dikhianati bekas penasihat peribadi dan kewangannya ketika namanya berada di puncak.

Namanya pernah menjadi buaian ramai dengan penampilannya yang unik dan kekayaannya yang bernilai ratusan juta hasil pengenalan produk kesihatan sendiri.

Kini, beliau yang popular dengan panggilan Dr Rozmey, tekad untuk bangkit membina semula empayarnya dengan memperkenalkan produk terbaru, DDR Bio Grow, baja organik kombinasi formula bio dan lautan yang dihasilkan menerusi penyelidikan serta kajian saintifik teknologi terkini.

Beliau yang kini menetap di Jitra, Kedah komited mahu membantu petani meningkatkan hasil tanaman ke tahap optimum, sekali gus menambah pendapatan petani.

"Saya tidak mahu sejarah lalu menghantui impian saya untuk membina nama dan pada masa sama, membantu orang lain meningkatkan pendapatan.

"Jika saya tidak bangkit sendiri, orang lain pun tidak mampu bantu saya kecuali apa yang saya dah hilang dulu," luah Rozmey ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Ketika ditanya mengapa mencuburi bidang pertanian sebagai alternatif, beliau berkata, idea menghasilkan produk baja terceut ketika melihat sektor pertanian berdepan masalah kurang hasil dan serangan makhluk perosak berulang.

Melihat kepada permasalahan itu, Dr Rozmey bekerjasama dengan rakanranya, seorang pakar kimia dalam polimer bagi menghasilkan baja yang dapat membantu petani meningkatkan hasil pertanian.

"Kami ambil masa hampir dua tahun untuk proses pemba-

ngunan dan penyelidikan bagi penghasilan baja ini. Pada peringkat permulaan, ia diberikan kepada rakan terdekat untuk menggunakannya. Selepas melihat kesannya, kami mula luaskan pasaran.

"Pasaran baja ini dipromosikan dari mulut ke mulut dalam kalangan petani yang telah menggunakannya. Dari situ pengguna baja ini terus meningkat dari masa ke semasa," katanya.

Katanya, DDR Bio Grow adalah baja polimer yang diekstrak daripada kulit udang dan cengkerang ketam menerusi teknologi biosains dan fasiliti makmal terkini.

"Menerusi kajian dijalankan mendapati kuasa bio mampu

membantu menjadikan tanah subur dan gembur serta kaya dengan organik dan bakteria yang baik.

"Ia memberikan pulangan hasil tanaman tinggi, perkembangan buah dan tanaman memuakkan, menggalakkan akar lebat, serapan air dan baja yang efektif, tanaman sihat dan hijau serta pembesaran tanaman cepat," katanya.

Dr Rozmey berkata, baja ini kaya dengan NPK (unsur utama) dan trace element (unsur surih) yang membantu membentuk pertumbuhan akar dan penyerapan nutrien dalam tanah, kaya dengan PGR (plant growth regulator), penggalak dan pembesaran tumbuhan dan memperbaiki hasil tanaman serta meningkatkan hasil tanaman daripada 30 peratus hingga 100 peratus.

"Selain itu, baja ini turut mengandungi hasil lautan iaitu kitosan dan rumpai laut sebagai pendorong pembesaran dengan meningkatkan pemecahan sel-sel tumbuhan bagi merangsang pertumbuhan dan pembesaran lebih baik selain mempercepatkan peningkatan proses fotosintesis.

"Pertahanan dan sistem imunisasi tumbuhan dengan memperbaiki keupayaan daya pertahanan terhadap jangkitan kuman dan serangan serangga serta penggalak tumbuhan dan perkembangan hasil buah dengan peningkatan keupayaan serapan unsur nutrien dalam tanaman.

"Selain itu, ia juga merawat serangan penyakit bermula daripada akar, batang hingga hasil. Ia juga mengurangkan kos baja dan rawatan pokok serta meningkatkan pendapatan petani," katanya.

Kini, sejak mula diperkenalkan di pasaran tempatan pada awal tahun lalu, DDR Bio Grow menerima sambutan menggalakkan dalam kalangan petani, terutama pesawah.

"Antara respon diterima ialah, pesawah mendapat hasil padi sebanyak 80 peratus daripada 0.3 hektar (1 relung) bersamaan 2.3 tan hingga 2.5 tan. Sebelum ini, hasil padi adalah 1.3 tan hingga 1.5 tan sahaja," katanya.

Melangkah ke hadapan, beliau yakin pasaran sektor pertanian mempunyai peluang yang besar dengan sebahagian besarnya masih belum diterokai oleh syarikat tempatan.

"Kini, kami dalam proses rundingan dengan beberapa agensi kerajaan untuk memperluaskan penggunaan DDR Bio Grow sebagai pembekal utama baja kepada petani.

"Dalam tempoh beberapa tahun lagi, kami yakin mampu meraih sekurang-kurangnya lima peratus pegangan pasaran dalam penawaran baja organik kepada petani," katanya.

DDR Bio Grow didatangkan dalam saiz 1 liter bagi kegunaan 1.3 hektar sawah semusim (RM65) dan 4 liter pada harga RM199.

Kini, kami dalam proses rundingan dengan beberapa agensi kerajaan untuk memperluaskan penggunaan DDR Bio Grow sebagai pembekal utama baja kepada petani.

Dr Che Rozmey Che Din,
Usahawan